



**Permodalan Nasional Berhad**

(38218-X)

**Untuk Siaran Segera  
23 November 2015**

### **ASNB UMUM KADAR AGIHAN PENDAPATAN 6.20 SEN SEUNIT BAGI ASN 3**

**KUALA LUMPUR:** Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 6.20 sen seunit bagi Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN 3) untuk tahun kewangan berakhir 30 November 2015.

Agihan pendapatan ini kekal sama dengan kadar yang diagihkan pada tahun lalu. Walaubagaimanapun, pengagihan pendapatan tahun ini membabitkan pembayaran sebanyak RM67.28 juta, 31.3% lebih tinggi daripada jumlah yang telah dibayar sebanyak RM51.24 juta pada tahun 2014.

Pembayaran agihan pendapatan ini yang akan dimanfaatkan seramai 37,121 pemegang unit yang melanggan 1.085 bilion unit ASN 3.

Sehingga 20 November, 2015, tabung ASN 3 telah memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM60.06 juta. Daripada jumlah tersebut, pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM21.22 juta atau 35.3%.

Keuntungan daripada penjualan saham dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM18.98 juta atau 31.6%, manakala pendapatan daripada pelaburan dalam instrumen-instrumen jangka pendek dan lain-lain pendapatan pula menyumbang sebanyak RM19.86 juta atau 33.1% kepada jumlah pendapatan kasar.

Pembayaran pengagihan pendapatan akan dilaburkan secara automatik dan dikreditkan di dalam buku pelaburan pemegang unit pada 1 Disember 2015, berdasarkan nilai aset bersih ASN 3 pada 30 November 2015.

Sementara itu, bagi pemegang unit yang melanggan unit-unit ASN 3 menerusi Skim Pelaburan Ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), pembayaran pengagihan pendapatan akan dikreditkan ke dalam akaun pelaburan KWSP yang berkenaan.

Semua urusan niaga bagi ASN 3 di pejabat-pejabat dan ejen-ejen ASNB telah ditangguhkan mulai 22 November 2015 sehingga 30 November 2015 bagi tujuan pengiraan pengagihan pendapatan.

Para pemegang unit boleh mengemaskinikan buku pelaburan ASN 3 di Ibu Pejabat, pejabat-pejabat atau ejen-ejen ASNB di seluruh negara mulai 1 Disember 2015.

ASN 3 adalah sebuah 'dana imbang' dengan harga berubah-ubah disasarkan kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas. Objektif tabung ini adalah untuk menjana pertumbuhan dalam jangka sederhana dan jangka panjang dengan melabur dalam portfolio pelaburan yang seimbang serta menerusi pelaburan semula pengagihan pendapatan, sekiranya ada.

Selaras dengan konsep Dana Imbang, tabung ASN 3 adalah bersifat defensif dan disasarkan kepada individu yang ingin merancang kewangan dalam instrumen pelaburan yang mempunyai tahap risiko sederhana dan mengharapkan pulangan yang berpatutan selaras dengan objektif pelaburan ASN 3.

Sebagai sebuah Tabung Imbang, portfolio ASN 3 diimbangkan di antara instrumen pendapatan tetap, ekuiti yang di senaraikan di Bursa Malaysia dan lain-lain instrumen pelaburan. Dengan itu, para pelabur boleh membuat perbandingan jumlah pulangan keseluruhan ("total return") dan hasil pendapatan ("yield") ASN 3 ini dengan instrumen-instrumen pelaburan yang mempunyai tahap risiko yang lebih kurang sama.

**Dikeluarkan oleh:**  
**PERMODALAN NASIONAL BERHAD**  
**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**  
**Cik Aminah Haji Mahadi**  
**Pengurus Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat**  
**Tel: 03-2050 5445, Faks: 03-2050 5268, E-mail: [aminah\\_hm@pnb.com.my](mailto:aminah_hm@pnb.com.my)**